



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 11 /1999

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3695100 Fax: 03-3685289 E-mail: kpgr@marine.gov.my

<http://www.marine.gov.my>

PROSIDUR MELULUSKAN PENGAMAL PERUBATAN
PROCEDURE FOR APPROVING MEDICAL PRACTITIONER

Pemakluman kepada pemilik kapal, pengamal perubatan, nakhoda, pegawai dek, anak kapal serta mereka di Pusat Latihan Maritim

Information to shipowners, medical practitioners, master, deck officers, ratings and those concerned in the maritime training institutions

Notis Perkapalan Malaysia NPM 5/1999 dan NPM 14/1999 dirujuk

Malaysia Shipping Notice NPM 5/1999 and NPM 14/1999 is referred

1. Pengamal perubatan yang ingin memeriksa kesihatan pelaut bagi tujuan mengeluarkan perakuan pemeriksaan perubatan yang sah untuk pelaut berkhidmat diatas kapal hendaklah memohon mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah Laut. Borang ini diberi percuma dan di sertakan bersama notis ini.

1. Medical practitioners wishing to medically examine a seaman for the purpose of issuing a valid medical examination certificate to work on a ship are required to apply approval from the Director of Marine using form JL/HEPP/B/10. This form is issued free and is also appendix at the end of this notice

2 Kriteria untuk meluluskan pengamal perubatan adalah:

- Didaftar dengan MMC
- Mempunyai 'Master/Diploma in Occupational Health/Medicine' (kelonggaran diberi sehingga 31hb Disember 2001)
- Telah menghadiri kursus sehari berkaitan perkapalan yang dikendalikan oleh Jabatan Laut, Kementerian Kesihatan atau DOSH

2 The criteria for approving medical practitioners are as follows:

- *MMC registered*
- *Has Master/Diploma in Occupational Health/Medicine (grace period granted until 31st December 2001)*
- *Has attended a one-day familiarization course on shipping conducted by Marine Department, Ministry of Health or DOSH.*

3 Kursus sehari berkaitan perkapalan akan diadakan berdasarkan keperluan. Jumlah minima peserta pada satu-satu kursus adalah sepuluh(10) orang.

3 The one-day familiarization course on shipping will be held on a need to basis. The minimum number of candidates for each course should be ten(10).

4 Jabatan Laut akan mengeluarkan senarai pengamal perubatan yang diluluskan dalam NMPM notis dari masa ke semasa.

4 The Marine Department will issue a list of approved medical practitioners at regular intervals in its NMPM notice.